

Headline	TNB salur RM1 juta bantu sesi persekolahan 5,000 murid		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	12
ArticleSize	233 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,141		



TNB salur RM1 juta bantu sesi persekolahan 5,000 murid



LEO Moggie (tujuh dari kanan) bergambar bersama sebahagian daripada penerima sumbangan Back To School di Kompleks Sukan TNB, Bangsar, Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan tradisi program tahunan *Back To School* dengan memperuntukkan sehingga RM1 juta pada tahun ini bagi memberi sumbangan pakaian dan kelengkapan persekolahan kepada 5,000 murid di 30 lokasi di seluruh Semenanjung dan Sabah.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie berkata, sehingga kini program itu menyaksikan lebih 30,000 penerima sejak ia



LEO MOGGIE

diperkenalkan pada 2013 dengan perbelanjaan RM6.2 juta.

"Program ini merupakan salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TNB untuk membantu meringankan beban ibu bapa dari kelom-

pok B40 dalam menyediakan kelengkapan anak-anak bagi sesi persekolahan yang baru bermula ini.

"Nilainya mungkin kecil untuk sesetengah keluarga tetapi besar maknanya kepada ibu bapa penerima bantuan ini,

khususnya yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang masih bersekolah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penyerahan *Back To School* di Kompleks Sukan TNB semalam.

Pada majlis tersebut, seramai 400 murid terpilih dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bangsar, SK Bukit Bandaraya, SK Bukit Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar, SMK Bukit Bandaraya dan SMK Seri Pantai menerima bantuan berupa sepersalinan seragam sekolah, beg dan alat tulis bernilai RM200.